



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

SEJARAH

1249/2

Kertas 2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

PERATURAN PEMARKAHAN (SKEMA)

PERATURAN PEMARKAHAN YANG DISEDIAKAN INI HANYA SEBAGAI PANDUAN KEPADA GURU SAHAJA. GURU BOLEH MERUJUK PADA BUKU TEKS DAN BAGI JAWAPAN SOALAN KBAT, GURU BOLEH MERUJUK PADA BAHAN RUJUKAN LAIN YANG BERSESUAIAN DAN BERTEPATAN. GURU PERLU MEMBIMBING MURID CARA MENJAWAB YANG BETUL UNTUK MENDAPATKAN MARKAH YANG MAKSIMUM.

**BAHAGIAN A
(40 MARKAH)**

Soalan	Butiran	Markah
1	<p>Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>Dalam zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka telah lahir dua buah undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat untuk mengendalikan masyarakat yang semakin bersifat majmuk.</p> <p style="text-align: right;"><i>Sumber : http://www.jmm.gov.my</i></p> </div>	
(a)	<p>Senaraikan nama undang-undang tersebut?</p> <p>F1 Hukum Kanun Melaka F2 Undang-undang Laut Melaka</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 2 x 1m]</p>	<p>1 1</p> <p>[2m]</p>
(b)	<p>Berpandukan 1(a), Jelaskan perkara yang terkandung dalam undang-undang tersebut.</p> <p>HUKUM KANUN MELAKA</p> <p>F1 Mengandungi 44 Fasal F2 Membincangkan tentang jenayah, peranan sultan dan pembesar, kekeluargaan dan ekonomi. F3 Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian Kesultanan Melayu Melaka. H3 Hukuman setimpal dikenakan terhadap pembuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri. C3 Fasal 5.1 apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum membunuh. F4 Setiap pembesar Melaka mempunyai peranan dalam pentadbiran dan arif dalam hal berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang. C4 Fasal 1, dijelaskan tugas sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari. F5(a) Undang-undang keluarga bertujuan mewujudkan keharmonian dalam keluarga F5(b) Menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga atau F5(c) Menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam perkahwinan. C5(a) Fasal 26 pernikahan memerlukan empat orang saksi, jika tidak cukup memadai dua orang sahaja. Hamba abdi dan wanita tidak boleh menjadi saksi dalam C5 (b) pernikahan.</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p>

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

	F6(a)	Mempunyai peraturan yang jelas tentang urus niaga untuk mengawal perdagangan di Melaka	1
	F6(b)	Tidak berlaku sebarang kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.	1
	C6	Fasal 30 amalan riba diharamkan dan orang yang berniaga hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli.	1
		UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA	
	F7	Diusahakan oleh nakhoda Melaka (Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak.	1
	F8	Berkaitan peranan nakhoda, pelayaran, jenayah di atas kapal dan percukaian.	1
	F9	Peranan Nakhoda: nakhoda ibarat raja dalam pelayaran dan semua pihak mematuhi arahan beliau.	1
	C9a	Fasal 13.1 makhoda perlu berniaga selama empat hari Pelayaran: peranan pegawai selain nakhoda iaitu jurumudi, malim dan jurubatu.	1
	C9b	Fasal 9, seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran.	1
	F10	Jenayah: menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal.	
	C10	Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh di atas kapal, makan orang tersebut dikenakan hukuman mati.	1
	F11	Percukaian: cukai dikenakan dalam urusan pelayaran untuk perdagangan.	1
	C11	Fasal 6.3, nakhoda menentukan jumlah cukai yang dikenakan terhadap penumpang.	1
		[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]
(c)		Jelaskan kepentingan sistem perundangan di negara kita.	
	H1	Mengekalkan keamanan negara	1
	H2	Kedaulatan negara terpelihara	1
	H3	Memastikan kestabilan politik negara	1
	H4	Negara akan dipandang tinggi oleh negara luar	1
	H5	Memajukan ekonomi negara	1
	H6	Menggalakkan kemasukan pelabur asing	1
	H7	Menjaga keselamatan negara	1
	H8	Memastikan hak rakyat terpelihara	1
		(Mana- mana jawapan munasabah)	
		[Mana-mana 4 x 1m]	[4 m]

Soalan	Butiran	Markah
2	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.	
(a)	<p>Nyatakan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.</p> <p>F1 Penentangan orang Melayu terhadap Malaya Union F2 Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO F3 Sokongan pentadbir British</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 2 x 1m]</p>	<p>1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[2m]</p>
(b)	<p>Sistem pentadbiran telah mengalami perubahan melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Jelaskan ciri bagi aspek pentadbiran.</p> <p>F1 Persekutuan dibentuk melalui gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri Negeri Selat F2 Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan F3 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa Eksekutif F4 Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama F5 Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British F6 Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi F7 Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British F8 Ahli Majlis perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[4m]</p>
(c)	<p>Pada pandangan anda, mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 perlu dihayati oleh generasi muda pada hari ini?</p> <p>F1 Menghargai perjuangan tokoh-tokoh terdahulu F2 Menghargai sejarah negara F3 Melahirkan perasaan cinta kepada negara F4 Taat kepada raja</p> <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[4 m]</p>

(c)		<p>Amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia mempunyai keunikan yang tersendiri. Buktikan</p> <p>H1 Gabungan unsur Tradisional dan Moden dalam pentadbiran 1</p> <p>H1a Kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu 1</p> <p>H1b Berdasarkan model Westminster England 1</p> <p>H1c Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen 1</p> <p>H1d merupakan kaedah terbaik untuk mengimbangi amalan demokrasi 1</p> <p>H2 Mekanisme Semak dan Imbang dalam pentadbiran 1</p> <p>H2a Pemerintahan beraja berperanan untuk mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara 1</p> <p>H2b Kuasa pengimbang raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi 1</p> <p>H2c Pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan kaum 1</p> <p>H2d Pengasingan kuasa iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman 1</p> <p>H4 Kuasa budi bicara Raja 1</p> <p>H4a Kuasa budi bicara raja ialah kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu 1</p> <p>H4b 1</p> <p>H4c Pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan, iaitu Perdana Menteri 1</p> <p>H4d YDPA boleh memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen 1</p> <p>H5 Kerjasama politik 1</p> <p>H5a Soal perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip tolak ansur, perundingan dan pengorbanan 1</p> <p>H5b 1</p> <p>H5c Parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa pemerintahan 1</p> <p>H5d Gabungan parti politik berasaskan kaum dibentuk iaitu parti perikatan. 1</p> <p><i>[Mana-mana yang munasabah]</i></p>	
		[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

Soalan	Butiran		Markah
3	Demokrasi Berparlimen diterima sebagai sistem pentadbiran negara.		
(a)	Apakah X dan Y		
	F1	Amalan Pilihan Raya	1
	F2	Kebebasan Asasi	1
	[Mana-mana 2 x 1m]		[2m]
(b)	Huraikan ciri-ciri Demokrasi Berparlimen yang terdapat di 3a.		
	F1	Amalan pilihan raya	1
	H1	Diadakan dalam tempoh lima tahun	1
	H2	Sejak negara mencapai kemerdekaan	1
	F2	Parti politik yang terlibat akan memperoleh mandat daripada rakyat untuk memerintah	1
	F3	Kempen diadakan bagi rakyat mengenali calon	1
	H3	Kempen adalah untuk memahami manifesto parti yang bertanding	1
	F4	Rakyat menyemak nama pada daftar mengundi sebelum mengundi	1
	F5	Undian dilakukan dengan prosedur yang telus/ sistematik 1	1
	H5a	Undian adalah rahsia	1
	H5b	Bukti keabsahan kerajaan yang dipilih rakyat	1
	F6	Kebebasan asasi	1
	F7	Kebebasan diri	1
	F8	Hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang	1
	H8a	Tidak boleh diambil nyawa	1
	H8b	Dilucutkan kebebasan diri	1
	F9	Kebebasan beragama	1
	H9a	Islam agama rasmi Persekutuan	1
	H9b	Agama lain bebas diamalkan	1
	F10	Hak berpendidikan	1
	H10a	Tiada diskriminasi terhadap warganegara	1
	H10b	Atas dasar agama/ ras/ keturunan/ tempat lahir	1
	F11	Kebebasan bersuara	1
	H11a	Kebebasan berhimpun secara aman	1
	[Mana-mana 4 x 1m]		[4m]

(c)		<p>Pengamalan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian mampu menjadikan anda sebagai warganegara yang patriotik. Beri ulasan anda.</p>	
	F1	Sentiasa berpegang kepada ajaran agama/ bertoleransi	1
	F2	Bertolak ansur dalam masyarakat /	1
	F3	Hormat-menghormati antara kaum	1
	F4	Hidup bersama / harmoni	1
	F5	Menjadi warganegara berdisplin	1
	F6	Mendaulatkan / Mematuhi undang-undang negara	1
	F7	Rakyat bersatu padu kekalkan keamanan dalam negara	1
	F8	Menjadi warganegara taat setia	1
	F9	Menghormati pemerintah/ pemimpin/ raja	1
	F10	Menyokong dasar kerajaan	1
	F11	Bersedia mempertahankan negara	1
	F12	Menjadi warganegara berakhlak mulia	1
	F13	Menghindari gejala sosial	1
	F14	Kesejahteraan hidup masyarakat	
	<p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p style="text-align: right;">[4 m]</p>	

Soalan	Butiran	Markah
4	Logo berikut berkaitan sambutan 50 tahun Rukun Negara diperkenalkan.	
(a)	<p>Mengapakah prinsip Kepercayaan kepada Tuhan diberikan keutamaan dalam rukun tersebut?</p> <p>F1 Agama penting sebagai panduan hidup F2 Membentuk keperibadian F3 Membina masyarakat harmoni F4 Menghormati / Bertoleransi dalam aspek keagamaan</p> <p>(Mana-mana fakta berkaitan)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 2 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[2m]</p>
(b)	<p>Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara.</p> <p>F1 Memelihara corak hidup demokratik H1a Perlembagaan menjamin kebebasan hak asasi F2 Mencapai perpaduan masyarakat H2a Tanpa mengira kaum dan kepercayaan H2b Setia dan cinta akan negara F3 Membentuk masyarakat liberal H3a Bebas mengamalkan agama, adat dan budaya F4 Mencipta masyarakat adil H4a Peluang sama menikmati kekayaan negara F5 Membina masyarakat progresif H5a Maju dalam sains dan teknologi selari era globalisasi H5b Menjadi negara maju</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[4m]</p>
(c)	<p>Pengamalan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian mampu menjadikan anda sebagai warganegara yang patriotik. Beri ulasan anda.</p> <p>F1 Sentiasa berpegang kepada ajaran agama/ bertoleransi H2a Bertolak ansur dalam masyarakat / H2b Hormat-menghormati antara kaum F2 Hidup bersama / harmoni H2a Menjadi warganegara berdisiplin H2b Mendaulatkan / Mematuhi undang-undang negara F3 Rakyat bersatu padu kekalkan keamanan dalam negara H3a Menjadi warganegara taat setia H3b Menghormati pemerintah/ pemimpin/ raja H3c Menyokong dasar kerajaan F4 Bersedia mempertahankan negara H4a Menjadi warganegara berakhlak mulia H4b Menghindari gejala sosial Hbc Kesejahteraan hidup masyarakat</p> <p>(Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[4 m]</p>

BAHAGIAN B
(60 MARKAH)

Soalan	Butiran	Markah
5	Konflik dunia yang merangkumi Perang Dunia Pertama Dan Perang Dunia Kedua tercetus akibat perkembangan imperialisme dan nasionalisme dalam persaingan merebut kuasa politik dan ekonomi.	
(a)	<p style="text-align: center;">Terangkan latar belakang Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.</p> <p>F1 Berlaku pada tahun 1941-1945 F2 Dikenali sebagai Perang Pasifik F3 Berlaku di Lautan pasifik/Tanah Besar Asia/Kepulauan Asia Tenggara F4 Kemunculan jepun sebagai kuasa tentera di Asia F5 Menjalankan imperialisme di Asia Pasifik</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	1 1 1 1 1 [4m]
(b)	<p style="text-align: center;">Huraikan dasar peluasan Jepun di Asia.</p> <p>F1 Dasar Peluasan Kuasa Jepun H1a Keperluan perindustrian H1b Mengurangkan penggantungan kepada negara barat untuk mendapatkan bahan mentah H1c Jepun memerlukan wilayah yang dapat membekalkan bahan mentah H1d Menjadi kawasan pasaran bagi mengembangkan perindustrian H2a Pengaruh golongan tentera H2b golongan tentera menguasai politik pada tahun 1932 masalah ekonomi Jepun diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya dengan bahan mentah/kawasan pasaran oktober 1941, Jeneral Hideki Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun H2c Orde Baharu Asia H2d Mengembangkan kuasa/mewujudkan kebebasan ekonomi/menentang imperialisme barat H3a Mewujudkan orde baharu di Asia Timur merangkumi H3b Jepun/Korea/China/Manchuria H3c Sekatan Ekonomi Terhadap Jepun F2 Menguasai kawasan strategik di laut china Selatan/Pulau H1 Hainan/Indochina H2 Amerika Syarikat/British/Belanda mengenakan sekatan ekonomi H3 Menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah untuk industri dan operasi perang F3 Rancangan Penaklukan Wilayah di Selatan H1 Jepun merancang menguasai wilayah di selatan merangkumi Asia Tenggara H2 Kaya dengan bahan mentah C1 Seperti bijih timah/getah/bauksit/petroleum H3 Pakatan dalam Kuasa Paksi</p>	1 1

	H4	Kerajaan Jerman menghantar pakar ke Jepun	1
	H5	Mengkaji serangan terhadap wilayah selatan	1
	H6	Membantu perkembangan industri pembuatan kapal terbang Jepun	1
		[Mana-mana 8 x 1m]	[8m]
(c)		Pada pandangan anda, bagaimanakah kita dapat mengelakkan peristiwa seperti pendudukan Jepun daripada berulang?	
	F1	Memperkukuhkan perpaduan kaum	1
	F2	Menghormati sesama kaum dalam semua aspek	1
	F3	Memastikan kestabilan politik, ekonomi dan sosial	1
	F4	Menyokong segala dasar kerajaan	1
	F5	Memantapkan sistem pendidikan	1
	F6	Berusaha mengekalkan keamanan negara	1
	F7	Berpegang kepada amalan demokrasi	1
	F8	Menghormati hak dan kebebasan semua kaum	1
	F9	Berpegang kepada Prinsip Rukun Negara	1
	F10	Menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat	1
	F11	Menguatkuasakan undang-undang	1
	F12	Mengatasi gejala sosial dan jenayah	1
	F13	Penguasaan ilmu pengetahuan	1
		(Mana- mana jawapan munasabah)	
		[Mana-mana 8 x 1m]	[8 m]

Soalan	Butiran	Markah
6	<p>Selepas Perang Dunia Kedua, British menjalankan dasar dekolonisasi iaitu menyediakan langkah berkerajaan sendiri secara beransur-ansur kepada tanah jajahannya. Kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan menyebabkan Dato' Onn Jaafar meminta agar tindakan diambil untuk menambahkan peluang pentadbiran kepada wakil tempatan dalam usaha menyediakan Tanah Melayu ke arah</p>	
(a)	<p>Jelaskan kepentingan Sistem Ahli sebagai usaha ke arah kemerdekaan negara.</p> <p>F1 Menyediakan asas penting Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri F2 Melatih orang tempatan mentadbir F3 Memberi peluang kepada wakil tempatan belajar mentadbir F4 Memberi pendedahan untuk menerajui kerajaan F5 Pendedahan yang baik kepada penduduk sebelum merdeka F6 Proses memupuk perpaduan kaum F7 Gabungan pemimpin pelbagai kaum F8 Mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu F9 Tempoh peralihan masa sebelum kemerdekaan</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[4m]</p>
(b)	<p>Terangkan ciri-ciri Sistem Ahli.</p> <p>F1 Ahli bertaraf "Menteri" H1a Ahli bertanggungjawab menjaga portfolio H1b Mengandungi jabatan dan agensi kerajaan F2 Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British H2a Dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu F3 Ahli bertanggungjawab cadangkan/ kemukakan undang-undang berkaitan jabatannya H3a Dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) F4 Ahli diletakkan dibawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British F5 Satu sistem kabinet bayangan H5a Terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 8 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[8m]</p>

(c)		<p>Sekiranya anda merupakan salah seorang ahli dalam Sistem Ahli pada ketika itu, apakah cadangan anda untuk memantapkan sistem pentadbiran negara? Berikan pendapat anda.</p> <p>F1 Mengukuhkan perpaduan kaum 1</p> <p>F2 Memupuk sikap toleransi/ persefahaman kaum 1</p> <p>F3 Elakkan perselisihan faham 1</p> <p>F4 Melakukan tindakan dengan bijaksana 1</p> <p>F5 Supaya pentadbiran negara menjadi licin dan teratur 1</p> <p>F6 Berusaha membentuk kerajaan yang adil 1</p> <p>F7 Pemimpin yang Amanah dan bertanggungjawab 1</p> <p>F8 Tidak pilih kasih dalam membuat keputusan 1</p> <p>F9 Keputusan yang dibuat tidak berpihak kepada yang berkepentingan 1</p> <p>F10 Dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang mantap 1</p> <p>F11 Mengutamakan kepentingan rakyat 1</p> <p>F12 Pemerintahan oleh pemerintah tempatan yang prihatin 1</p> <p>F13 Kerajaan yang mesra rakyat 1</p> <p>(Mana- mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 8 x 1m]</p>	<p style="text-align: right;">[8 m]</p>
-----	--	---	--

(c)		Setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan perairan negara. Bincangkan.	
	F1	Semangat patriotik dalam kalangan rakyat semangat tidak rela dijajah	1
	F2	Berbangga dengan keamanan dan dapat hidup harmoni	1
	F3	Rakyat perlu bersatu	1
	F4	Rakyat harus peka terhadap kegiatan mencurigakan di kawasan laut/ pantai	1
	F5	Contoh kegiatan penyeludupan / penyusupan PATI, pemerdagangan manusia, dadah	1
	F6	Bersatu hati berkaitan isu tuntutan Sabah	1
	F7	Rakyat memainkan peranan sewajarnya	1
	F8	Sedia menjadi mata dan telinga pihak keselamatan	1
	F9	Menyalurkan maklumat / informasi kepada pihak bertanggungjawab	1
	F10	Bekerjasama dengan pihak kerajaan/ pasukan keselamatan	1
	F11	Memudahkan kerajaan mengawal sempadan perairan negara	1
	F12	Warganegara perlu elakkan bekerjasama dengan anasir luar	1
	F13	Menunjukkan taat setia	1
	F14	Bersikap tanggungjawab dengan	1
	F15	Menyertai/ menganggotai pasukan keselamatan/ sukarelawan	1
	F16	Tidak terlibat dengan aktiviti pencerobohan	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mana-mana 8 x 1m]	
		[8 m]	

Soalan	Butiran	Markah
8	Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka untuk tempoh 10 tahun.	
(a)	<p>Apakah yang anda faham tentang Dasar Pembangunan Nasional (DPN).</p> <p>H1 Dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. 1</p> <p>H2 Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) 1991 - 2000 telah berasaskan DPN. 1</p> <p>H3 Menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 . 1</p> <p>H4 Mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan 1</p> <p>H5 Dicapai melalui keseimbangan antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar. 1</p> <p>H6 Mewujudkan masyarakat bersatu padu dengan memperkukuhkan kestabilan sosial / politik / pembangunan ekonomi 1</p> <p>H7 Ke arah mencapai negara maju dalam semua aspek seperti keadilan sosial / nilai / etika / kestabilan politik / kualiti hidup. 1</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p style="text-align: right;">[4m]</p>
(b)	<p>Pelaksanaan asas DPN adalah meneruskan strategi asas DEB, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Bagaimanakah kerajaan menjayakan kedua-dua strategi tersebut?</p> <p>Membasmi kemiskinan</p> <p>H1 Menghapuskan kemiskinan tegar 1</p> <p>H2 Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan kepada golongan penanam padi dan nelayan 1</p> <p>H3 Mempertingkatkan produktiviti pengeluaran 1</p> <p>H4 Golongan belia diberi latihan di agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Giatmara / Institut Latihan Perindustrian (ILP) 1</p> <p>H5 Membolehkan mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran dan berpendapatan tinggi 1</p> <p>Penyusunan semula masyarakat</p> <p>H7 Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). 1</p> <p>H8 Meningkatkan tenaga kerja / penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden. 1</p> <p>H9 Latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan . 1</p> <p>H10 Pemberian kontrak / kuota / lesen kepada peniaga milik bumiputera 1</p> <p>H11 Perhatian khusus diberikan kepada penyertaan Bumiputera dalam IKS . 1</p> <p>H12 Usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera digalakkan untuk membolehkan syarikat bumiputera meningkatkan prospek perniagaan . 1</p>	

	H13	Didedahkan dengan teknologi terbaharu	1
	H14	Kemudahan modal / maklumat pasaran / hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa	1
	H15	Memastikan corak tenaga kerja di pelbagai sektor dan pekerjaan.	1
		[mana-mana 8 x 1m]	[8m]
(c)		Mesej yang terkandung dalam poster tersebut .	
	M1	Pertumbuhan berpaksikan rakyat	1
	M2	Menjadikan sebuah negara yang maju	1
	M3	Berteraskan prinsip bangsa Malaysia	1
	M4	Bangsa Malaysia yang progresif / bercita-cita	1
	M5	Membentuk Negara Malaysia yang bersatu padu	1
	M6	Mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju	1
	M7	Membentuk dan memperkembangkan sebuah masyarakat demokratik yang matang.	1
	M8	Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya	1
		Cadangan	
	C1	Menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara lain	1
	C2	Meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa	1
	C3	Memajukan pelabuhan yang sedia ada	1
	C4	Menggalakkan kemasukan pelaburan asing	1
	C5	Memajukan sektor perindustrian/ perkilangan/ pembuatan negara	1
		(mana-mana jawapan yang munasabah)	
		[mana-mana 8 x 1m]	[8m]

Soalan	Butiran	Markah
9	Isu alam sekitar penting dan perlu ditangani oleh Malaysia serta negara di Asia Tenggara.	
(a)	<p>Berdasarkan gambar, apakah isu alam sekitar yang dihadapi Malaysia?</p> <p>F1 Isu Jerebu F2 Fenomena atau pencemaran udara F3 Menjejaskan jarak penglihatan dan kesihatan F4 Disebabkan pembakaran terbuka yang tidak terkawal F5 Contoh pembakaran hutan F6 Memberi kesan sampingan lain</p> <p>(mana-mana fakta berkaitan)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[4m]</p>
(b)	<p>Jelaskan tindakan yang diambil oleh kerajaan Malaysia Bersama-sama negara ASEAN pada Ketika itu.</p> <p>F1 Menandatangani perjanjian ASEAN berkaitan F2 Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan F3 Negara anggota yang terlibat disarankan untuk mengambil tindakan dari aspek undang- undang dan pentadbiran serta tindakan lain yang wajar seperti termaktub dalam perjanjian F4 Memastikan krisis jerebu tidak akan berlaku lagi F5 Menekankan prinsip “ASEAN Tanpa Jerebu 2020” F6 Malaysia dan Singapura bekerjasama melaksanakan penyelidikan dan pembangunan F7 Bidang pencegahan kebakaran di tanah gambut F8 Menjalankan kempen kesedaran</p> <p>(mana-mana munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 8 x 1m]</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;">[8m]</p>
(c)	<p>Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya ini tidak diatasi.</p> <p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p>	<p style="text-align: center;">7-8</p>

		<p>Contoh :</p> <p>Cabaran utama pengurusan alam sekitar ketika ini ialah mempersiapkan untuk menghadapi ekosistem yang tidak seimbang Ketidaktentuan cuaca berlaku kesan pemanasan bumi. Kita perlu lebih proaktif di peringkat serantau dan global bagi mengurangkan kesan pemanasan bumi Kita perlu menyediakan kemudahan awam Dan menyediakan infrastuktur fizikal yang mengambil kira aspek perubahan iklim Sekiranya tidak diatasi, hakisan akan berlaku Berkemungkinan juga berlaku banjir besar / tsunami dan kemarau panjang Alam sekitar juga akan musnah / tercemar Bumi akan mengalami kemerosotan ekosistem Haiwan / tumbuhan / manusia akan terancam</p>	
		<p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik</p> <p>Contoh :</p> <p>Cabaran utama pengurusan alam sekitar ketika ini ialah mempersiapkan untuk menghadapi ekosistem yang tidak seimbang ketidaktentuan cuaca berlaku kesan pemanasan bumi Kita perlu lebih proaktif di peringkat serantau dan global bagi mengurangkan kesan pemanasan bumi Kita perlu menyediakan kemudahan awam Dan menyediakan infrastuktur fizikal yang mengambil kira aspek perubahan iklim Sekiranya tidak diatasi, hakisan akan berlaku Berkemungkinan juga berlaku banjir besar / tsunami dan kemarau panjang</p>	5-6
		<p>Aras 2</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p>	3-4

	<p>Contoh:</p> <p>Cabaran utama pengurusan alam sekitar ketika ini ialah mempersiapkan untuk menghadapi ekosistem yang tidak seimbang ketidaktentuan cuaca berlaku kesan pemanasan bumi.</p> <p>Kita perlu lebih proaktif di peringkat serantau dan global bagi mengurangkan kesan pemanasan bumi</p> <p>Kita perlu menyediakan kemudahan awam</p> <p>Dan menyediakan infrastuktur fizikal yang mengambil kira aspek perubahan iklim</p> <p>Sekiranya tidak diatasi, hakisan akan berlaku</p>	
	<p>Aras 1</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p>Contoh:</p> <p>Cabaran utama pengurusan alam sekitar ketika ini ialah mempersiapkan untuk menghadapi ekosistem yang tidak seimbang</p> <p>Sekiranya tidak diatasi, hakisan akan berlaku</p> <p>(Mana- mana jawapan munasabah)</p>	1-2